

10 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR POSITIF PEMIMPIN APEC BINCANGKAN KRISIS MATAWANG

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau positif para pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak Apec di sini pada 17 and 18 Nov ini akan membincangkan isu mengenai krisis matawang.

"Saya tidak fikirkan perjanjian yang konkrit tetapi saya pasti kita akan membincangkan isu itu secara serius," kata dalam wawancara yang disiarkan secara langsung dengan Cable News Network (CNN) menerusi segmen Biz Asia malam ini.

Perdana Menteri menjawab soalan yang diajukan pengacara Lorraine Hahn sama ada sebarang perjanjian konkrit akan muncul daripada sidang kemuncak para pemimpin Kerjasama Ekonom Asia Pasifik (Apec) tahun ini.

Dr Mahathir berkata jika kesemua pemimpin tidak mencapai kata sepakat pada sidang kemuncak itu, maka "setiap seorang daripada kita akan berusaha membincangkannya apabila kita bertemu di persidangan antarabangsa yang lain."

Mengenai sesetengah pemimpin yang menyatakan mereka tidak akan mengadakan rundingan dua hala dengannya semasa sidang kemuncak Apec itu berlangsung dan sama ada beliau menganggap ini sebagai satu halangan bagi Apec dan bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau tidak berfikir demikian.

"Adalah tidak mungkin bagi tuan rumah menemui 20 pemimpin kerajaan.

"Ketika saya diundang ke Seattle, saya tidak hadir. Sekali lagi ia tidak bermakna Apec berpecah," tambahnya.

Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien telah dilaporkan baru-baru ini bahawa mereka akan menghadiri sidang kemuncak tersebut tetapi tidak akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHO MA